

Kukuhkan pengurusan sebelum cantum

KUALA LUMPUR 7 Julai - Cadangan pencantuman tanah-tanah peneroka Felda disambut baik demi meraih skala ekonomi yang lebih besar, namun perlu disegarkan dengan idea-idea baharu.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School di Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof Madya Dr. Abu Sofian Yaacob** berkata, pada dasarnya cadangan itu adalah baik memandangkan generasi pertama Felda sudah tua dan uzur manakala generasi kedua pula ramai yang tidak berminat mengambil alih peranan generasi pertama.

Beliau juga mengesyorkan supaya aktiviti ladang tersebut dikendalikan syarikat yang berwibawa yang dipimpin oleh mereka berpengalaman, tetapi tetap dipantau oleh Felda.

“Saya juga bersetuju supaya di celah-celah ladang itu ditanam tanaman jangka pendek seperti keledek dan sayuran. Di samping itu boleh juga membela kambing biri-biri yang mana ia amat sesuai dengan keadaan rumput di ladang kelapa sawit.

“Koperasi pemunya ladang perlu diwujudkan semula untuk membantu syarikat pengurusan menjalankan tugas pembahagian kerja dan pengagihan pendapatan daripada hasil ladang,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan perancangan agar tanah-tanah peneroka Felda dicantumkan menjadi ladang besar yang mampu memberi hasil lumayan menerusi pengurusan efisien dengan cara yang lebih profesional.



ABU SOFIAN YAACOB

negara,” katanya.

Sementara itu, bagi Penasihat Suara Generasi Baru Felda, **Datuk Zulkefli Nordin**, apa yang dicadangkan Perdana Menteri itu tidak semestinya tepat kerana terdapat dua isu utama yang harus diselesaikan terlebih dahulu iaitu faktor kewangan dan faktor kekurangan tenaga buruh ladang.

Disebabkan pelbagai masalah pembayaran, katanya, ia turut mendorong sesetengah peneroka menjual hasil kepada peraih lain kerana mahukan pulangan.

“Dr. Mahathir kenahayati secara teliti apa penyebab pengurusan ladang peneroka Felda gagal. Cari puncanya. Bagi saya selesai dua isu yang disebut, maka selesailah segalanya,” katanya.